

BAB 10

WASIAH TUN PERAK

Pendahuluan

Ciri-ciri kepimpinan yang ada dalam diri Tun Perak telah menjadikan beliau seorang pemimpin yang berkaliber dan unggul dalam membentuk empayar Melaka. Tun Perak telah memegang tampuk dan tunjang pentadbiran selama kira-kira setengah abad, iaitu hampir separuh usia kesultanan Melayu Melaka. Kegemilangan empayar Melaka ditambah pula dengan lama masanya ia menjadi bendahara menyebabkan ada sesetengah pendapat menyatakan bahawa tokoh ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri yang tidak pernah ada pada tokoh bendahara sebelumnya. Kehebatan kepimpinan beliau dalam mentadbir kerajaan Melaka seolah-olah gagal diwarisi oleh pengganti-penggantinya. Dengan kemunculan tokoh penting inilah, Kerajaan Melayu Melaka telah berjaya menjadi sebuah empayar yang terkenal di seluruh dunia.

Tun Perak telah memegang tampuk dan tunjang pentadbiran mulai tahun 1440an, kira-kira setengah abad lamanya iaitu hampir separuh usia kesultanan ini. Beliau telah berkhidmat sebagai Bendahara Paduka Raja kepada empat orang Sultan. Bermula dengan Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah dan awal pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Setelah begitu lama berkhidmat dengan kesultanan Melayu Melaka, akhirnya Tun Perak telah meninggal dunia pada tahun 1498. Kematian Bendahara Paduka Raja Tun

Perak ini bermakna kerajaan Melaka telah kehilangan seorang pemimpin yang unggul. Sepanjang beliau menjadi ketua pentadbir, Tun Perak telah berjaya menjadi seorang pemimpin yang tiada tandingan dan beliau disanjung tinggi oleh sultan, pembesar dan rakyat jelata. Banyak amanah kerajaan Melaka dapat dilaksanakan dengan baik oleh Tun Perak.

Wasiat Tun Perak

Tun Perak telah meninggalkan wasiat yang amat penting kepada anak cucunya dan juga Sultan Melaka sebelum beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir. Tun Sri Lanang ada menyatakan mengenai wasiat Tun Perak di dalam *Sejarah Melayu* kepada anak cucunya iaitu:

Alkian maka Bendahara Paduka Raja pun sakitlah terlalu sangat. Maka kata Bendahara pun suruh memanggil anak cucunya; yang sehari dua hari perjalanan disuruhnya panggil. Setelah sudah berkampung semuanya, maka Bendahara Paduka Raja pun berwasiat pada segala anak cucunya demikian kata Bendahara, Hei anak cucuku, jangan kamu tukarkan agama dengan dunia; yang dunia pasti tiada akan kekal adanya; syahadan yang hidup sahaja, akan mati juga kesudahannya. Hendaklah kau tuluskan hatimu pada berbuat kebaktian pada Allah S.W.T. dan akan Rasulullah S.A.W., dan berbuat kebaktian akan Allah, seperti firman Allah Taala di dalam

Al-Quran, yakni berbuat baktilah kamu akan Allah. Inilah wasiatku kepada kamu semuanya; hendaklah jangan semua lupa, supaya kebesaran dunia akhirat kamu sekalian peroleh.¹

Petikan di atas adalah mengenai wasiat Tun Perak kepada semua anak cucunya sebelum beliau meninggal dunia. Walaupun mereka tinggal berjauhan, namun Tun Perak ingin juga bertemu dengan mereka untuk memberikan amanat yang terakhir. Setelah semua saudara mara dan anak cucunya berkumpul, Tun Perak telah berwasiat iaitu beliau telah memberikan peringatan mengenai pegangan agama iaitu, mereka semua janganlah menukarkan agama Islam yang mereka anuti sekarang kerana beliau sangat yakin bahawa agama Islam adalah agama yang benar di dunia dan di akhirat. Orang-orang yang hidup pasti akan meninggal dunia suatu hari nanti. Malah beliau juga mengingatkan mereka semua supaya sentiasa beramal, beriman dan bertaqwa kepada Allah S.W.T agar mereka semua akan memperolehi kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Ternyata sebagai seorang yang alim, perkara yang paling utama ingin disampaikan oleh Tun Perak kepada semua anak cucu beliau ialah mengenai pegangan agama. Pegangan agama menjadi teras kepada kepimpinan Tun Perak dalam kerajaan Melaka.

Sejarah Melayu juga ada menyatakan wasiat Tun Perak kepada Sultan Mahmud Syah bahawa:

¹ W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 141.

Setelah Sultan Mahmud Syah mendengar Bendahara sangat sakit, maka baginda pun datang mendapatkan Bendahara Paduka raja. Maka Bendahara pun menyembah pada Sultan Mahmud Syah, seraya katanya, Adapun Tuanku, pada perasaan patik, yang dunia ini luputlah daripada gengaman patik, melainkan negeri akhirat semata-mata patik hadapi. Dan segala anak buah patik pertaruh patiklah ke bawah duli Tuanku; hendaklah Tuanku jangan dengar-dengaran akan sembah orang yang tiada sebenarnya. Jikalau Tuanku dengar-dengaran akan kata orang yang fitnah itu, Tuanku menyesal kelak. Adapun yang kehendak nafsu itu daripada was-was syaitan alaihi la'nat. Banyak raja-raja yang besar-besar dibinasakan Allah kerajaannya sebab menurut hawa nafsunya.

Setelah itu, maka Bendahara Paduka Raja pun kembalilah ke negeri yang baka. Maka dikerjakan oleh Sultan Mahmud Syah seperti adat bendahara mati. Maka Tun Perpatih Putih, saudara Bendahara Paduka Raja, dijadikan oleh Sultan Mahmud bendahara dan disebut orang Bendahara Putih.²

Wasiat di atas adalah khusus untuk Sultan Mahmud Syah sebagai Sultan Melaka.

² W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 142. Dalam edisi Raffles wasiat ini diberikan kepada Sultan Alauddin, Maka Bendahara Paduka Raja menyembah pada Sultan Alauddin, maka sembah Bendahara pada Sultan Alauddin, "Adapun tuanku, pada perasaan patik, dunia ini luputlah daripada gengaman patik, melainkan negeri akhiratlah semata patik harap. Hendaklah jangan tuanku dengar-dengaran akan sembah orang yang tiada sebenarnya; jikalau tuanku dengarkan sembah orang yang demikian itu, akibatnya, tuanku menyesal. Yang kehendak nafsu, jangan tuanku turutkan, karena banyak raja-raja yang dibinasakan Allah Taala kerajaannya sebab menurutkan hawa nafsunya". hlm. 205.

Tun Perak telah berpesan kepada Sultan Mahmud Syah supaya jangan mempercayai perkhabaran yang palsu. Sekiranya baginda mempercayai perkhabaran yang palsu iaitu tanpa bukti yang kukuh, maka baginda akan menyesal di kemudian hari. Sebagai seorang pemerintah, Sultan Mahmud Syah tidak boleh melakukan sesuatu tindakan dengan menurut hawa nafsu. Tindakan yang berdasarkan kepada hawa nafsu akan mengakibatkan Allah S.W.T. membinaaskan kerajaannya seperti para pemerintah negara-negara lain. Justeru itu, Tun Perak sebenarnya mengharapkan Sultan Mahmud Syah menjadi seorang pemerintah yang adil dan saksama.

Wasiat Tun Perak ini ternyata benar, apabila kerajaan Melaka berada di bawah tumpuk pemerintahan Sultan Mahmud Syah, Melaka menuju ke arah kemunduran kerana sifat-sifat Sultan Mahmud Syah sendiri yang lemah dan mudah mempercayai perkhabaran yang palsu seperti perkhabaran perebutan takhta yang akan dilakukan oleh Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir ditambah pula dengan dendamnya kepada Bendahara kerana tidak mengahwinkan anaknya Tun Fatimah dengan baginda.³

Sejarah Melayu juga ada menyatakan wasiat Tun Perak kepada Tun Mutahir iaitu anak saudara Tun Perak bahawa:

Maka Bendahara memandang pada Seri maharaja; maka katanya, Hai Mutahir, engkau kelak menjadi orang besar, lebih daripada aku kebesaranmu; tetapi jangan pada bicaramu

³ Cheah Boon Kheng, (*susunan*), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, 1998, hlm.261.

engkau bapa saudara raja, jikalau ada melintas
pada bicaramu demikian, engkau dibunuh
orang.⁴

Berdasarkan kepada petikan di atas, Tun Perak telah memberikan amanat yang penting kepada Tun Mutahir. Tun Mutahir adalah merupakan anak saudaranya iaitu anak kakaknya Tun Kudu dan Seri Nara Aldiraja Tun Ali. Beliau memberitahu Tun Mutahir bahawa, Tun Mutahir akan menjadi orang yang ternama suatu hari nanti, sehingga kebesaran Tun Mutahir adalah melebihi dirinya sendiri. Peringatan yang amat penting untuk Tun Mutahir ialah jangan sekali-kali berfikir yang beliau adalah bapa saudara kepada Sultan Melaka kerana nanti akan dibunuh orang.

Ternyata wasiat Tun Perak ini ada kebenarannya, Tun Mutahir telah berjaya menjadi seorang yang kaya-raya sehingga anak cucunya dan kanak-kanak di kampung Bendahara diberikan segengam emas setiap seorang untuk dijadikan alat permainan. Malah, Tun Mutahir juga telah dijatuhkan hukuman bunuh oleh Sultan Mahmud Syah.

Sejarah Melayu juga ada menyatakan wasiat Tun Perak kepada Tun Tahir iaitu anak saudaranya dan juga wasiat kepada Tun Zainal Abidin bahawa:

Maka kata Bendahara pada Tun Tahir, engkau jangan turut turutan pada bicara si Mutahir. Jika engkau seperturutan dengan dia, engkau pun

⁴ W.G., Shellabear, (ed) 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 141.

terbawa-bawa.⁵ Maka Bendahara memandang pula pada anaknya yang tua sekali bernama Tun Zainal Abidin, katanya, katanya jikalau engkau tiada berpekerjaan raja, hendaklah engkau diam di hutan, karena perut panjang sehengkal boleh kenyang oleh taruk kayu pun, padalah isinya.⁶

Tun Perak telah menasihatkan kepada Tun Tahir supaya jangan mengikuti kelakuan Tun Mutahir dan kepada Tun Zainal Abidin pula dinasihatkan supaya menjadi seorang yang rajin bekerja dan sekiranya beliau tidak mahu bekerja, lebih baik beliau tinggal di dalam hutan. Ini adalah kerana Tun Perak mengetahui sikap Tun Zainal Abidin yang suka bergaya dan tidak suka bekerja kerana rupa paras yang kacak yang dimiliki oleh beliau.

Sejarah Melayu juga ada menyebut wasiat Tun Perak kepada Tun Pauh iaitu cucunya bahawa:

Maka Bendahara berkata pada cucu baginda Tun Pauh namanya, Pauh, jangan engkau diam di negeri. Diam engkau ke rantau, supaya sampah sarap pun sekalian menjadi emas.⁷

Tun Perak telah memberikan pesanan kepada Tun Pauh, supaya beliau pergi berdagang ke negeri-negeri lain dan janganlah asyik terperap di negeri sendiri. Ini adalah kerana, merantau sambil berdagang akan memberikan kesenangan kepada beliau kelak.

⁵ *Ibid.*, hlm. 141.

⁶ *Ibid.*, hlm. 141.

⁷ *Ibid.*, hlm. 142.

Maka Bendahara berkata pula pada cicitnya Tun Isap, Isap, jangan mencari pencarianmu di balai rong raja.⁸

Tun Perak juga telah menasihatkan Tun Isap supaya jangan terlalu mengharapkan pekerjaan di istana sahaja. Seharusnya Tun Isap perlulah mencari pekerjaan yang lain untuk menambahkan pendapatannya yang sedia ada.

Wasiat Tun Perak ini adalah merupakan kata-kata sakti yang ditinggalkan sebagai pesanan dan nasihat yang terakhir Tun Perak kepada anak Melayu. Malah wasiat Tun Perak ini boleh menjadi pengiktibaran kepada seluruh anak Melayu demi kesejahteraan agama, bangsa dan negara. Justeru itu wasiat ini adalah merupakan idealisme dan prinsip Tun Perak sepanjang beliau berkhidmat sebagai seorang bendahara. Intipati daripada wasiat tersebut yang dapat digalurkan ialah:

1. Jangan tukarkan agama Islam dengan dunia. Dunia tiada kekal, kerana hidup itu akan mati juga kesudahannya. Jelasnya, agama mendasari tidak tanduk kerjayanya.
2. Jikalau tiada berpekerjaan Raja, hendaklah diam di dalam hutan, kerana perut panjang sehengkal boleh kenyang dengan taruh kayu, cukuplah sebagai isinya. Jelas sikap perlu diubah, iaitu jangan suka melakukan sesuatu yang tidak berfaedah.

⁸ *Ibid.*, hlm. 142

3.Jangan diam di negeri, diamlah di rantau, supaya sampah sarap sekalian boleh menjadi emas. Jelas di sini dengan berdagang seseorang itu boleh menjadi kaya raya.

4. Kehendak nafsu itu daripada was-was syaitan alaihi-laknat. Banyak raja yang besar-besar dibinasakan Allah kerajaannya, sebab menurut hawa nafsunya. Jelas di sini seseorang yang suka menurut hawa nafsu akan dibinasakan oleh Allah S.W.T.

5.Sekali-kali tidak anak Melayu bernama derhaka. Anak Melayu tidak boleh menderhaka kepada sultan.

Kesimpulannya, segala kata-kata yang merupakan nasihat terakhir Bendahara Paduka Raja Tun Perak itu ternyata ada kebenarannya. Setelah kerajaan Melayu Melaka dipimpin oleh bendahara yang baru di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Syah, kerajaan Melaka menuju ke arah kemunduran. Pelbagai masalah sosial telah wujud di dalam negeri dan akhirnya Melaka telah jatuh ke tangan pihak Portugis pada tahun 1511. Oleh yang demikian kata-kata sakti Tun Perak ini hendaklah menjadi pegangan anak Melayu iaitu perkara yang utama ialah berpegang teguh kepada Agama Islam.

PENUTUP

Sebagai seorang tokoh yang amat penting dan berwibawa dalam abad ke-15 M, Tun Perak sentiasa mendapat perhatian para sarjana dan penulis. Ini adalah kerana ketokohan beliau sebagai pemimpin Melaka tidak ada tolok bandingnya, malah gagal diwarisi oleh para pengantinya. Tun Perak adalah seorang bendahara Melaka yang paling terkenal dan amat penting dalam sejarah kesultanan Melayu Melaka. Kepentingan beliau ini, dapat dilihat daripada aspek pentadbiran dan juga kemajuan Melaka. Beliau sentiasa dianggap sebagai *The man behind the throne*.

Kenaikkan Melaka adalah selari dengan kenaikkan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka. Bermula dengan pemerintahan Sultan Muzaffar Syah sehingga kepada awal pemerintahan Sultan Mahmud Syah, jawatan penting iaitu Bendahara adalah disandang oleh Tun Perak. Kehadiran Tun Perak dengan sifat-sifat sederhana, bijaksana, berpandangan jauh, berani, pengasih, bertanggungjawab, sebagai pelaksana hukum, pengganti raja, taat setia yang berpatutan adalah amat sesuai dan seimbang dengan jawatannya dalam kerajaan Melaka. Kecerdikkannya amat jelas sebagai seorang menteri dalam sebuah kerajaan besar. Beliau berani bertindak, mengambil keputusan sendiri mengikut keyakinan yang difikirkan benar. Sebagai seorang ketua pentadbir Tun Perak telah banyak menjalankan dasar-dasar kerajaan selari dengan perkembangan semasa dan zaman. Prinsip utama beliau dapat dilihat apabila beliau lebih

mementingkan perhubungan baik dengan negara-negara lain kerana banyak keuntungannya kepada kerajaan Melaka. Beliau bertanggungjawab menjadikan politik dan ekonomi Melaka sentiasa maju ke hadapan selaras dengan peredaran zaman. Tun Perak telah berjaya mentadbir kerajaan Melaka sehingga berkembang menjadi sebuah empayar pada abad ke-15 M.

Sebagai ketua pentadbir selepas sultan Melaka, Tun Perak melaksanakan tugas dengan penuh jujur, amanah, bertanggungjawab, dedikasi, dan berdiplomasi, menyebabkan beliau disegani, dihormati dan disanjung oleh semua pihak, sama ada para pembesar, rakyat, dan juga pemimpin-pemimpin luar Melaka. Sepanjang beliau berkhidmat dengan kerajaan Melaka, kepentingan kepimpinan Tun Perak tidak pernah dipertikaikan, sama ada daripada para pegawai istana dan juga rakyat biasa. Sultan sendiri tetap memberi, dan menaruh kepercayaan yang tinggi kepada Tun Perak. Buah fikirannya sentiasa diharapkan oleh Sultan. Ini bermakna, kepimpinan Tun Perak tidak hanya didasarkan kepada keturunan atau pangkat semata-mata, tetapi berdasarkan sahsiah dan kelayakkan dirinya yang unggul, serta keistimewaan tertentu seperti yang telah disebutkan.

Justeru itu, penulis berpendapat bahawa kepentingan Tun Perak di dalam Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 M adalah amat jelas. Penulis berpendapat demikian, memandangkan sebahagian besar daripada kejayaan Melaka adalah hasil usaha Tun Perak sebagai bendahara Melaka. Antara peranan utama yang telah dimainkan oleh Tun Perak ialah beliau adalah seorang pengurus pentadbiran dan politik Melaka, penjunjung konsep daulat dan derhaka, panglima peperangan dan perluasan jajahan takluk, malah beliau juga merupakan seorang

pendokong empayar Melaka sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa dan juga merupakan seorang pengendali diplomatik Melaka serta sebagai tunggak penggerak penyebaran Islam ke seluruh Nusantara. Kesembilan peranan yang utama itu, jika dilihat serentak adalah sebagai satu cantuman yang dapat menggambarkan kepentingan Tun Perak secara keseluruhan sebagai pembina empayar Melayu Melaka pada abad ke 15. Tun Perak telah berjaya membina imej cemerlang empayar Melaka sehingga disegani dan digeruni khususnya di rantau nusantara pada abad ke- 15 M.

Dalam konteks kajian ini, penulis merumuskan dan membuat kesimpulan tentang beberapa perkara mengenai kepentingan Tun Perak dalam kesultanan Melayu Melaka. Pertama, sebagai seorang Bendahara yang berwibawa, beliau telah berjaya menjadi seorang pengurus pentadbiran dan politik Melaka dengan cemerlang. Kebijaksanaan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka telah berjaya mewujudkan kestabilan politik dalam negeri. Sebagai Bendahara, Tun Perak mempunyai kuasa yang jarang-jarang dimiliki oleh tokoh-tokoh lain yang seumpama dengannya pada zaman tersebut. Beliau dikatakan berkuasa melantik sultan. Dalam tugas ini beliau kelihatan lebih suka melantik sultan yang ada hubungan darah, serta disukai olehnya. Misalnya Sultan Mansur Syah adalah sepupu beliau sendiri. Beliau juga berhak membuat keputusan-keputusan yang difikirkan baik untuk pentadbiran negeri Melaka terutamanya dalam hal perlantikan sultan.

Selepas Sultan Mansur Syah, sepatutnya Raja Muhammad berhak dilantik sebagai sultan menggantikan ayahandanya. Tetapi oleh kerana Raja Muhammad telah membunuh anak Tun Perak maka beliau diketepikan dan dihantar ke Pahang. Lalu beliau melantik anak saudaranya sendiri iaitu Sultan Alauddin Riayat Syah yang ketika itu baru berusia lima belas tahun. Ini bertujuan untuk memudahkannya menguasai sultan supaya kelak tidak menjadi penghalang terhadap tindakan dan polisinya. Sebagai penasihat utama sultan, beliau merupakan orang yang paling penting yang dapat mempengaruhi seseorang sultan membuat sesuatu keputusan. Keadaan ini bermakna segala nasihat seseorang bendahara itu adalah amat penting untuk memastikan kejayaan bagi sesebuah negeri. Kegemilangan kerajaan Melayu Melaka yang dibina oleh Sultan Muzaffar Syah diperteguhkan lagi oleh Sultan Mansur Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah, ditambah pula dengan bantuan tenaga dan pemikiran Tun Perak sebagai bendahara Melaka.

Sebagai seorang bendahara yang berwibawa, Tun Perak adalah merupakan seorang penjunjung konsep daulat dan derhaka. Beliau amat taat kepada Sultan dan sentiasa menjadi contoh yang terbaik kepada rakyat jelata. Kemuncak ketaatannya kepada Sultan Melaka dapat dilihat apabila anaknya Tun Besar telah dibunuh oleh Raja Muhammad. Beliau dengan tegas melarang anak buahnya supaya tidak membalas dendam di atas pembunuhan tersebut. Ini adalah kerana beliau merupakan seorang penjunjung konsep daulat dan derhaka yang amat taat.

Tun Perak juga merupakan seorang panglima peperangan dan perluasan jajahan takluk Melaka. Keadaan ini dapat dilihat dalam bidang ketenteraan. Tun Perak mempunyai strategi yang terbaik sehingga berjaya mengalahkan Siam di dalam dua peperangan. Pada tahun 1445 beliau telah mengetuai angkatan tentera Melaka untuk menghadapi serangan pihak Siam dan dibawah pimpinan beliau tentera Siam yang dipimpin oleh Okaya Cakra di Muar yang datang menyerang Melaka dari sungai Tembeling Pahang dapat dikalahkan. Dalam tahun 1446 sekali lagi pimpinan beliau dapat mengalahkan tentera Siam yang dipimpin oleh Okya Tejo di Batu Pahat. Di sini jelas terbukti, Tun Perak bukan sahaja penting di dalam istana, malah di medan peperangan juga. Malahan beliau menjadi panglima perang yang handal kepada setiap peperangan dengan pihak musuh. Ketokohan yang wujud di dalam diri Tun Perak itu telah membolehkan Melaka menangkis serangan luar, terutamanya Siam. Bermula dengan pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, Melaka telah mengembangkan sayapnya dengan menakluki beberapa buah negeri yang berdekatan, seperti Beruas dan Pahang.

Semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah pula, baginda lebih banyak menyerahkan kuasa dan tugas-tugas pentadbiran kerajaan kepada Tun Perak. Oleh yang demikian Tun Perak berpeluang merancang meluaskan wilayah pemerintahan Melaka. Lebih-lebih lagi pada masa itu Melaka mempunyai angkatan laut yang kuat, yang diketuai oleh Laksamana Hang Tuah. Pada tahun 1459 Melaka telah berjaya menawan Pahang dari pemerintah Siam. Penawanan ini merupakan satu langkah strategik yang berkesan sekali kerana ia menjadi benteng pertahanan serta mengukuhkan ekonomi Melaka. Justeru itu semasa

pemerintahan Sultan Mansur Syah, kerajaan Melaka telah berada di puncak kegembilangan. Tanah jajahan Melaka telah melebar ke bahagian timur Sumatera meliputi Inderagiri, Jambi dan Siantan. Kekuasaan kerajaan itu meluas lagi, iaitu merangkumi seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan sebahagian besar Sumatera Timur apabila teraju pemerintahannya dipegang oleh Sultan Alauddin Riayat Syah. Dengan siri-siri penaklukkan tersebut, Tun Perak dapat mewujudkan keamanan di kawasan sekitar Selat Melaka. Kegiatan lanun-lanun yang mengancam keamanan dan kemajuan Melaka dapat dikurangkan. Inilah yang mendorong kemakmuran Melaka.

Daripada aspek ekonomi pula, Tun Perak telah berjaya menjadi seorang pendokong empayar Melaka setelah berjaya muncul sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa. Sebagai bendahara Melaka yang menguasai pentadbiran, beliau menguruskan Melaka dengan bijaksana sehingga membawa Melaka mencapai zaman keagungan dan keemasannya. Melaka bukan sahaja menjadi terkenal kerana kekuatan tentera dan mempunyai tanah jajahan yang besar, tetapi juga kerana kejayaannya dalam bidang ekonomi. Bagi Tun Perak, ekonomi Melaka amat teguh dan maju. Tun Perak sendiri adalah merupakan salah seorang pedagang Melayu. Beliau telah melibatkan diri dalam kegiatan perdagangan dengan mengupah orang lain untuk menguruskan perniagaannya. Dengan kebijaksanaan Tun Perak dalam mentadbir Melaka, pelabuhan Melaka yang pada mulanya hanyalah sebuah pelabuhan yang kecil, telah berjaya menjadi sebuah pelabuhan yang paling utama di rantau Asia Tenggara. Sejarah Melaka telah menerangkan bahawa pelabuhan Melaka menjadi sibuk dipenuhi dengan

saudagar-saudagar dari India, China, Arab, Parsi, Turki dan lain-lain. Pelabuhan Melaka menjadi amat penting sebagai tempat menjalankan kegiatan perdagangan pada masa itu. *Undang-undang Laut Melaka* menjadi sebuah undang-undang ekonomi yang mengawali perdagangan Melaka.

Tun Perak juga adalah merupakan seorang pengendali diplomatik Melaka yang amat bijaksana. Hubungan Melaka dengan negara-negara lain pula dapat dikendalikan oleh Tun Perak dengan begitu baik sekali. Semua utusan ataupun membalas utusan adalah dilakukan oleh beliau sendiri dengan menjadi pengarang surat yang begitu bijaksana. Beliau telah menasihati Sultan Muzafar Syah supaya mengadakan hubungan damai dengan pemerintah Siam. Satu utusan yang dipimpin oleh Tun Telanai dan Menteri Jana Putera dihantar ke Siam pada tahun 1456 dan 1458. Disamping itu juga, atas nasihat beliau Melaka telah mengadakan hubungan diplomatik dengan China untuk mengukuhkan lagi kekuatan Melaka.

Sebagai sebuah negeri yang menjadikan Islam sebagai agama rasminya, Tun Perak jugalah orang yang telah menjadi tunggak kepada penyebaran Islam di Melaka. Tun Perak sendiri, adalah seorang yang alim dan warak. Beliau sentiasa menunaikan sembahyang tepat pada waktunya. Bermula dengan dirinya yang taat kepada agama, maka sudah tentulah segala aktiviti keagamaan dapat dijalankan dengan teratur di Melaka. Dalam bidang keagamaan juga, Tun Perak turut memberi nasihat dan pandangan beliau kepada Sultan bagi mencorakkan pemerintahan yang baik di Melaka. Sehingga pada satu tahap, Melaka pernah dianggap sebagai serambi Mekah kerana Melaka telah dijadikan pusat penyebaran agama Islam di rantau ini. Dengan penaklukan-penaklukan yang telah dilakukan,

maka Tun Perak telah menjadikan Melaka sebagai sebuah pusat penyebaran Islam. Tun Perak juga telah menasihati Sultan supaya mengahwinkan puteri-puteri Melaka dengan pembesar wilayah-wilayah jajahan. Melalui perkahwinan politik ini, Islam turut dapat disebarluaskan. Keadaan ini menyebabkan Melaka menjadi satu-satunya kerajaan Islam yang terkuat di rantau Asia Tenggara yang mempunyai jajahan takluk yang luas disamping menjadi pelabuhan yang terkenal di seluruh dunia. Agama Islam mula menarik perhatian penduduk-penduduk di jajahan takluk tersebut dan sesiapa sahaja yang datang berdagang di Melaka.

Tun Perak juga telah meninggalkan wasiat yang sangat berguna kepada Sultan Melaka, para pembesar, dan juga cucu cicitnya untuk menjadi panduan hidup pada masa hadapan. Nasihat yang ditinggalkan oleh Tun Perak adalah merupakan kata-kata sakti yang amat bermakna kepada masyarakat Melayu. Wasiat beliau sebelum meninggal dunia itu adalah memetik ayat Al-Quran mengenai ketaatan kepada Allah, Rasul dan yang memegang teraju kerajaan.

Pada keseluruhan dapat disimpulkan bahawa Tun Perak adalah merupakan seorang bendahara dan tokoh yang paling berjasa dan terkemuka di Melaka yang telah berkhidmat selama setengah abad. Beliau dapat dianggap sebagai seorang pentadbir yang cekap dalam mengendalikan pentadbiran Melaka. Kepentingan Tun Perak dalam Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke 15 M ini telah berjaya membawa Melaka mencapai puncak kegemilangan sebagai sebuah empayar yang disegani pada abad yang ke-15 M.

Justeru itu, dalam kurun ke-15 M, Melaka berkembang menjadi sebuah emporium yang penting. Tome Pires iaitu seorang penulis Portugis mengakui bahawa kegemilangan Melaka sebagai sebuah pelabuhan pada zaman tersebut tidak dapat ditandingi oleh mana-mana negara pun di dunia ini. Kejayaan besar Melaka dan tempatnya yang terhormat dalam *Sejarah Melayu* adalah disebabkan oleh kemakmuran dan kemasyhurannya sebagai sebuah pusat perdagangan. Bersandar pada kegemilangan masa lalunya, Melaka telah mengasaskan satu corak pemerintahan dan cara hidup yang diikuti oleh kerajaan-kerajaan Melayu yang datang kemudiannya serta menjadi asas kepada apa yang dikatakan 'kebudayaan serta bentuk pemerintahan tradisional Melayu'. Nama baik Melayu begitu megah dan terkenal ke seluruh pelusuk dunia sehingga kerajaan-kerajaan Melayu yang datang kemudiannya mendapati amat sukar untuk cuba menghidupkan semula kebesaran bangsa Melayu yang setanding dengan kerajaan Melaka pada masa itu. Oleh yang demikian kepimpinan Tun Perak ini sangat penting dalam keagungan Kesultanan Melayu Melaka sehingga Melaka menjadi masyhur ke seluruh dunia. Maka di sinilah sumbangsan dan peranan Melaka dari segi pengertian dan makna serta *relevancenya* ia dalam pensejarahan Melaka. Justeru itu, telah terserlah dengan begitu jelas sekali ketokohan Tun Perak sebagai negarawan yang telah membangunkan Empayar Melaka dalam abad ke-15 M.